

**SIAPAKAH YANG HARUS KAMI HUBUNGI
JIKA ADA GANGGUAN BEKALAN AIR DI
RUMAH**

Sila hubungi Call Centre JBALB (082-262211) atau Pejabat Bahagian JBALB untuk tindakan selanjutnya.

**DI MANAKAH KAMI DAPAT MEMBUAT
PERMINTAAN UNTUK PEMINDAHAN
/PENGGANTIAN METER AIR ATAS
FAKTOR PENGUBAHSUAIAN,
PENAMBAHAN JALAN,SAMBUNGAN
DAN LAIN-LAIN**

- Anda boleh membuat permintaan di mana-mana Kaunter Service Sarawak atau Kaunter Bahagian JBALB.
- Bawa bersama surat permintaan daripada pemilik serta pelan kawasan.

BAGAIMANA MEMOHON PENGHATARAN AIR LORI TANKER

- Jika kawasan tanpa saluran paip, anda boleh membuat permintaan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat Sarawak (JKMS) terlebih dahulu.
- Sekiranya kawasan di bawah JBALB, sila berikan butiran tertentu seperti di bawah:
 - Surat permintaan
 - Nama
 - Alamat
 - Sebab permintaan

Safe Reliable Water



JABATAN BEKALAN AIR LUAR BANDAR SARAWAK

SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQ) MENGENAI ISU AIR

Pusat Panggilan JBALB : 082-262211

<https://jbalb.sarawak.gov.my>

JBALB Sarawak

JBALB Sarawak

JBALB Sarawak

**Imbas saya untuk mengetahui
lebih lanjut mengenai JBALB!**



**Imbas saya untuk memberi
maklum balas!**



**Imbas saya
untuk mengakses
chatbot JBALB!**



SOALAN LAZIM MENGENAI ISU AIR



BOLEHKAH PERMOHONAN AKAUN BARU DILAKUKAN JIKA BIL TERTUNGGAK DALAM AKAUN SEDIA ADA

Tidak. Sila jelaskan bil tertunggak dalam akaun sedia ada sebelum memohon untuk akaun baru.

DI MANAKAH TEMPAT MEMBUAT CETAKAN BIL AIR

- Anda boleh pergi ke mana-mana Kaunter Service Sarawak atau Pejabat JBALB Bahagian JBALB.
- Sila bawa bukti pengesahan diri.

DI MANAKAH KAMI DAPAT MEMERIKSA BIL AIR SEMASA

- Pergi ke mana-mana Kaunter Service Sarawak atau Pejabat JBALB Bahagian.
- Anda juga boleh menyemak secara dalam talian melalui laman sesawang PayBillsMalaysia. (PBM)

DI MANAKAH KAMI DAPAT MEMBUAT ADUAN SEKIRANYA TERDAPAT PAIP PECAH ATAU KEBOCORAN

Sila hubungi Call-centre JBALB Sarawak (082-262211) atau Pejabat JBALB Bahagian untuk tindakan selanjutnya.

SIAPAKAH YANG BERTANGGUNGJAWAB UNTUK MENGEKALKAN SALURAN PAIP DALAM KEADAAN BAIK

Kerana ia adalah di luar bidang kuasa JBALB, anda sebagai pemilik akan bertanggungjawab untuk mengekalkan keadaan saluran paip selepas meter air.

BAGAIMANAKAH JIKA KAMI TIADA MENERIMA BIL AIR LEBIH DARIPADA SEBULAN

Sekiranya anda tidak menerima bil air lebih dari satu bulan, sila laporan masalah ini ke Pejabat JBALB Bahagian.

BAGAIMANAKAH UNTUK MEMERIKSA JIKA BIL AIR TERLALU TINGGI

- Periksa sama ada meter air anda berfungsi dengan baik.
- Periksa kemungkinan berlaku kebocoran pada sistem perpaipan di rumah anda.
- Hubungi Pejabat JBALB Bahagian dan bawa bersama bil air serta bacaan meter air terkini.

APAKAH YANG HARUS DILAKUKAN SEKIRANYA MENERIMA PEMBERITAHUAN PENAMATAN BEKALAN AIR

Periksa pembayaran terkini bil air anda. Bawa bukti pembayaran dan laporan masalah ini ke Pejabat JBALB Bahagian .

APAKAH YANG HARUS DILAKUKAN JIKA METER AIR HILANG

- Buat laporan polis untuk meter air yang hilang dan hantarkan salinan laporan polis ke Pejabat Bahagian JBALB.
- Meter air akan diganti setelah pembayaran penggantian meter dilakukan.